



BORANG PENYERTAAN

KEJOHANAN BOLING BERPASUKAN PIALA KEKAUMAS 2016 ANJURAN KESATUAN KAKITANGAN AM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (KEKAUMAS)

Nama Pasukan:

Nama Jabatan:

Nama Ketua Pasukan:

No. Tel: (Pej.) (H/P)

No. Faks: (e-mel)

| BIL | NAMA | NO. KAD PENGENALAN |
|----------------------------|------|--------------------|
| 1. | | |
| 2. | | |
| 3. | | |
| PEMAIN SIMPANAN (JIKA ADA) | | |
| 1. | | |
| 2. | | |

INFO PERTANDINGAN

Tarikh : 12hb Nov 2016 (Sabtu)
Tempat : My Bowl, 1 Borneo Hypermall
Mula : 9.00 pagi
Yuran Pertandingan RM60.00 sepasukan
Tarikh tutup Penyertaan : 28 Oktober 2016 (Jumaat)
Kategori : Berpasukan (3 Orang Sepasukan)

SYARAT PENYERTAAN

1. AM

Pertandingan ini dinamakan **Kejohanan Boling Berpasukan Piala KEKAUMAS 2016**.

2. PENGANJUR/PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan oleh KESATUAN KAKITANGAN AM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (KEKAUMAS).

3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada ahli-ahli kesatuan KEKAUMAS sahaja dan wajib mewakili J/F/P/I/U masing-masing.
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar lima (5) orang pemain (tiada had tertentu pemain lelaki atau wanita) menggunakan Borang Penyertaan. Setiap J/F/P/I/U dibenar menghantar maksima dua (2) pasukan. Walau bagaimanapun penyertaan pasukan adalah bergantung kepada jumlah lane yang kosong sekiranya terdapat lebih dari dua (2) pasukan dari mana-mana .
- 3.3 Pemain yang bukan ahli KEKAUMAS tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan akan diberikan kepada pasukan lain.

4. FORMAT PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut undang-undang Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC).
- 4.2 Pertandingan ini akan diadakan di lokasi yang akan ditentukan kemudian. Semua pasukan diminta berada di tempat tersebut **sepuluh (10)** minit sebelum perlawanan.
- 4.3 Pengurus / Ketua pasukan bertanggungjawab ke atas kelayakan, kehadiran dan tatatertib pasukannya. Beliau akan bertindak sebagai wakil pasukan dalam jawatankuasa penganjur. Beliau juga mempunyai hak untuk memilih wakilnya bagi menghadiri mesyuarat rayuan dengan mengemukakan surat yang sah kepada Jawatankuasa Pertandingan itu. Beliau juga bertanggungjawab untuk menyemak skor pemain-pemainnya dan menguruskan rekod sebenar pasukannya. Beliau juga bertanggungjawab atas semua bayaran dan tunggakan yang dikenakan ke atas pasukannya.
- 4.4 Seorang pemain yang datang lewat dibolehkan bermain dengan syarat pemain-pemain belum menghabiskan frame yang ke - 3 dalam game yang pertama. Frame pertama dan kedua bagi pemain ini akan diberi skor kosong (0). Sekiranya pemain-pemain lain telah membalik bola dalam frame yang ke-3 untuk game pertama skor sebanyak 60 akan diberikan kepadanya untuk game ini dan beliau boleh bermain game seterusnya seperti biasa. Sekiranya beliau sampai selepas game pertama selesai, beliau tidak lagi boleh bertanding dan skor sebanyak 360 akan diberikan kepada pasukannya.
- 4.5 Setiap pasukan hanya dibenarkan membuat penggantian mengikut senarai asal pendaftaran pemain dengan syarat penggantian dibuat sebelum pertandingan dimulakan.
- 4.6 Apabila seseorang pemain tidak dapat menghabiskan permainannya disebabkan oleh kecederaan dan kecemasan, tiada penggantian dibenarkan. Jatuhan pinnya akan dikira sampai ke frame yang beliau berhenti atau mata percuma akan diberikan kepadanya bergantung kepada mana satu skor yang lebih tinggi.
- 4.7 Pegawai pertandingan yang bertugas mempunyai kuasa mengarahkan pertukaran lorong sekiranya mesin dianggap akan melambatkan permainan. Permainan yang tergendala dan tidak boleh diselesaikan akan disambung di atas lorong yang baik.
- 4.8 Mana-mana pasukan yang sengaja meminda skor tanpa kebenaran marsyal (pegawai Pertandingan) akan dihukum dan permainannya akan dibatalkan. Pemain yang berkelakuan kurang sopan dan tidak bersemangat kesukanan semasa permainan akan dipecat dari kejohanan dan akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengelola.
- 4.9 Pasukan-pasukan yang didapati memasukkan pemain-pemain yang tidak berdaftar akan dibatal penyertaan mereka.
- 4.10 Bantahan:

- i. Skor - Kesalahan dalam pengiraan skor atau bantahan terhadap keputusan skor mestilah dilaporkan dengan serta merta kepada pegawai pertandingan ketika penemuan kesalahan tersebut. Bantahan yang lambat tidak akan dilayan.
- ii. "Fault" - Bantahan mestilah dibawa kepada perhatian pegawai pertandingan sebelum balingan bola seterusnya. Aduan atau bantahan tidak akan dilayan selepas pemain tersebut membuat balingan seterusnya.
- iii. Bantahan dan rayuan lain berkaitan dengan kedudukan akhir mestilah dibuat secara bertulis dan dilaporkan dalam tempoh lima belas (15) minit selepas keputusan diumumkan. Bantahan dan rayuan mestilah disertakan dengan yuran sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja). Yuran akan dipulangkan jika bantahan atau rayuan ini diterima dan ianya tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak oleh Jawatankuasa Penganjur.

5. KIRAAN MATA

5.1 Pengiraan skor untuk 3 games terkumpul bagi setiap individu dan pasukan.

5.2 Mata handicap:

Tiada mata handicap akan diberikan kepada semua peserta.

5.3 Skor Percuma (Blind score):

Sekiranya satu-satu pasukan kekurangan seorang pemain sahaja, skor percuma sebanyak 60 untuk setiap game akan diberikan kepada pasukan tersebut.

5.4 Kehilangan Skor:

Sekiranya terdapat kehilangan skor yang disebabkan oleh kerosakan monitor TV dan skor tersebut tidak dapat dikesan semula, permainan semula akan dijalankan. Walau bagaimanapun, permainan yang terdahulu di mana skor-skoranya telah dicatat tidak boleh diubah.

5.5 Kedudukan Pasukan:

Kedudukan pasukan yang mempunyai skor tertinggi dikira Juara, kedua tertinggi dikira Naib Juara dan seterusnya. Sekiranya terdapat jumlah skor yang sama, pasukan yang mempunyai jumlah skor yang tertinggi dalam game yang terakhir akan dikira pemenang.

5.6 Pakaian Pemain:

Semua pemain dikehendaki berpakaian bersesuaian dan berkelakuan sopan semasa pertandingan dijalankan.

5.7 Larangan:

Dilarang membuat balingan semasa pemain lawan berada di kiri dan kanan di atas lane. Dilarang mengotorkan sekitar Bowling Alley.

6. HADIAH PERTANDINGAN

- a) Johan
- b) Naib Johan
- c) Ketiga
- d) High Game Berpasukan
- e) High Game Individu Lelaki/Perempuan

Jumlah hadiah bagi hadiah akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penganjur kelak.

7. BANTAHAN

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.

✪ Tarikh Tutup Penyertaan :
28 Oktober (Jumaat), 5.00 Petang

✪ Perlawanan :
12 November 2016 (Sabtu), 9.00 Pagi
Bertempat di My Bowl Bowling, 1 Borneo
Hypermall.

Pembayaran yuran penyertaan **RM 60.00**
adalah secara tunai dan perlu diserahkan
kepada :

En. Rahmat Bin Kasmin (013-854 0362)
Pn. Zaitun Binti Marjan (012-878 5560)

Borang penyertaan hendaklah
dikembalikan kepada penganjur sebelum
atau pada **28 Oktober 2016**.


Untuk keterangan lebih lanjut mengenai
kejohanan ini sila hubungi:

En. Othman Bin Hj Rawi (012-843 2868)
En. Harun Bin Tambiri (010-810 8538)

*Tandatangan Kapten Pasukan

Tarikh : _____

Ruangan Urusefia



Tandatangan & Nama Penerima

Tarikh : _____

**Kami bersetuju mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan dan tidak akan menuntut sebarang gantirugi daripada penganjur jika berlaku kematian, kemalangan atau kecederaan pada, sebelum atau selepas penyertaan dalam kejohanan ini.*